

14/1/09

Pelajar bidang pertanian **pelapis** usahawan industri makanan

Oleh Basir Zahrom

basir@bharian.com.my

SEKTOR makanan berasaskan pertanian berpotensi besar kerana permintaan terhadapnya kini meningkat berikutan krisis keperluan itu bukan saja di dalam malah luar negara, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Rohani Abul Karim.

Sehubungan itu di Malaysia, katanya, kerajaan akan terus menyediakan kemudahan asas, perkhidmatan bantuan, insentif fiskal dan bukan fiskal untuk menambah baik sektor makanan berasaskan pertanian.

Bagaimanapun, beliau berkata, kejayaan menyediakan keperluan makanan itu akan ditentukan usahawan pertanian sendiri terutama dalam memastikan pengeluarannya cukup, selain harganya pula berpatutan.

"Jadi, program dianjurkan ini diharap dapat melahirkan pemimpin masa depan serta usahawan pertanian berpotensi, sekali gus menyelesaikan permasalahan serta cabaran sedia ada dan mendatang," katanya ketika merasmikan Simposium Antarabangsa Pelajar Pertanian Pertama di Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, baru-baru ini.

Simposium anjuran bersama Persatuan Mahasiswa Fakulti Pertanian UPM, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, International Association of Students in Agricultural and Related Sciences (IAAS) dan Tabung Haji Plantations Berhad itu membincangkan pelbagai aspek berkaitan pertanian.

Seramai 200 pelajar jurusan



Chin Weng Fei



Mitsue Sakamaki

pertanian dari UPM, Universiti Malaysia Sabah, Kasetsart University, Thailand; Niigata University, Jepun dan Bogor Agricultural University, Indonesia menyertai simposium 10 hari itu.

Antara aktiviti dijalankan ialah persidangan, seminar, lawatan sambil belajar, perkongsian ilmu serta kunjungan ke kawasan pertanian dan tempat menarik sekitar Kuala Lumpur, Putra Jaya dan Selangor.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata simposium itu antara lain bertujuan menggalakkan perkongsian ilmu dan pengalaman di kalangan pelajar pertanian, bekerjasama dalam membentuk jaringan serta menggalakkan persefahaman berkaitan dengan khazanah pertanian dan budaya antarabangsa.

Wakil IAAS peringkat Asia, Ibnu Sina Jaelani, berkata beliau berharap simposium akan datang disertai lebih banyak universiti terutama dari negara Asean kerana setakat ini majoriti penyertaan organisasi antarabangsa itu di kalangan universiti Eropah.

Sementara itu, pelajar UPM, Chin Weng Fei, 21, berkata simposium itu diharap bukan saja membantu mempromosi universitinya, malah menjadi asas kepada pelajar pertanian seluruh dunia bertukar pendapat serta maklumat mengenai sektor itu.

"Sebagai tuan rumah, kami menjemput banyak universiti antarabangsa. Walaupun penyertaan hanya lima, kami berjaya mengumpulkan 35 pembentang kertas kerja di kalangan pelajar yang menyertai program ini.

"Diharap program ini dapat membantu perkembangan bidang pertanian negara, termasuk mempunyai kapasiti pengeluaran beras 100 peratus seperti disasarkan kerajaan pada 2011," katanya.

Pelajar Niigata University, Jepun, Mitsue Sakamaki, 25, berkata simposium itu memberinya peluang berkongsi pengalaman mengenai teknologi pertanian terkini yang dilaksanakan negaranya.

Katanya, apa yang diperlukan negara matahari terbit itu adalah idea baru untuk mengatasi masalah sedia ada berdasarkan teknologi sekarang dan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pertanian untuk menghasilkan makanan sihat.

"Dunia perlu ke arah pertanian lestari yang mampu menyediakan makanan secukupnya serta memikirkan pembaharuan teknologi untuk tujuan itu," katanya.